

09/09/1997

Operasi hujan tiruan berjaya

KUALA LUMPUR, Isnin - Operasi pembenihan hujan yang bermula hari ini berjaya mencipta hujan tiruan buat pertama kalinya di Lembah Klang ketika keadaan berjerebu dilaporkan bertambah buruk petang ini.

Hujan lebat dilaporkan di kawasan Subang dan Damansara; manakala hujan renyai-renyai di Bangsar kira-kira jam 4.45 petang, selepas pembenihan hujan dilakukan di utara Puchong, timur Shah Alam dan selatan Kuala Lumpur antara jam 3.10 hingga 3.20 petang.

Operasi yang dikendalikan Jabatan Kajicuaca menggunakan pesawat Dornier Skyvan itu dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Ini adalah kali pertama di dunia hujan dicipta secara tiruan bagi mengatasi masalah pencemaran udara.

Pengarah Perubahan Cuaca Jabatan Kajicuaca, Tung Nam Ping yang turut menaiki pesawat berkenaan berkata, operasi itu boleh dianggap mencapai matlamatnya dalam mencipta hujan.

"Kadar hujan di kawasan sasaran dijangka boleh mengurangkan bahan terampai di udara, yang menjadi punca utama jerebu," katanya kepada pemberita selepas mengetuai operasi berkenaan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS), di sini hari ini.

Kaedah pembenihan hujan dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua minggu lalu apabila keadaan berjerebu mencapai tahap tidak sihat selama beberapa hari berturut-turut, khususnya di kawasan bandar.

Ia disusuli dengan pengumuman Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding bahawa percubaan mencipta hujan tiruan akan dilakukan di Lembah Klang selama seminggu, sebelum diperluaskan ke negeri lain.

Jabatan Kajicuaca kemudian menyewa sebuah pesawat Skyvan daripada Pan Malaysian Transport Sdn Bhd, yang memiliki keupayaan membawa 1,000 liter campuran air dan garam (natrium klorida), bagi setiap operasi. Pesawat Skyvan itu berlepas dari LTSAS kira-kira jam 2.45 petang.

Tung berkata, hanya sekelompok awan dikenal pasti sesuai untuk pembenihan hujan dikesan sepanjang penerbangan selama lebih sejam itu.

"Kita melepaskan kesemua bahan (1,000 liter larutan air garam) yang dibawa ke dalam kepulan awan itu yang bersaiz di antara setengah hingga satu kilometer," katanya.

(END)